

## **KISAH WANITA PERTAMA BERJIHAD DI MEDAN PERANG: SAFIYYAH BINTI ABDUL MUTALIB**

**Amidi bin Osman**  
**Pusat Islam dan Pembangunan Insan**  
**Universiti Malaysia Pahang**  
**amidi@ump.edu.my**

Sejarah Nabi Muhammad S.A.W diutuskan untuk menyebarkan ajaran islam lahirnya ramai pejuang dan palawan –pahlawan yang sanggup mengorbankan diri mereka demi mempertahankan kesucian agama islam.

Antara pejuang – pejuang islam yang terkenal ialah seperti Saidina Hamzah Bin Muttalib, Khalid Al-Walid, Salahuddin Ayyubi , Saad Bin Abi Waqas, Abu Ubaidah Bin Al-Jarrah dan ramai lagi.

Namun tidak ramai yang tahu mengenai kisah pahlawan wanita dalam islam seorang pahlawan wanita yang hebat dalam sejarah islam. Beliau merupakan orang yang sangat di geruni di kalangan pahlawan – pahlawan lain dan merupakan muslimah yang pertama yang menghunuskan senjata di medan jihad .Beliau juga seorang alim yang sangat tekun beribadah.

Selain itu juga ,wanita ini juga telah melahirkan seorang pahlawan besar yang merupakan pahlawan pertama angkatan tentera berkuda kaum muslimin. Wanita yang dimaksudkan ini ialah Saffiyah Binti Abdul Muttalib.

### **Hubungan dengan Rasulullah S.A.W**

Sebenarnya, terdapat dua orang wanita bernama Saffiyah yang dekat dengan Nabi Muhammad S.A.W. Yang pertama ialah Safiyyah Binti Abdul Muttalib, ibu saudara kepada Nabi Muhammad S.A.W. Manakala yang kedua ialah Safiyyah Binti Huyyay, salah seorang isteri Nabi S.A.W dari keturunan Yahudi.

Safiyyah Binti Abdul Muttalib adalah saudara seibu sebapa dengan “ Singa Allah” iaitu Saidina Hamzah Bin Abdul Muttalib. Safiyyah dilahirkan pada tahun 569 Masihi.,setahun lebih tua daripada Saidina Hamzah melalui isteri keempat Abdul Muttalib iaitu Haalah Binti Wahab. Ibu kepada Safiyyah merupakan kakak kepada ibu Nabi Muhammad S.A.W, Aminah Binti Wahab.

Suami pertama Safiyyah ialah Harith Bin Harb iaitu saudara kepada Abu Sufyan Bin Harb ( Tokoh Quraisy ) dan musuh utama Rasulullah S.A.W yang kemudian memeluk Islam. Isterinya Hindun Binti Qutaibah yang membedah dada Saidina Hamzah dalam Perang Uhud.

Setelah Harith Bin Harb meninggal dunia, Safiyyah berkahwin kali kedua dengan Al-Awwam Bin Khuwaylid. Al-Awwam merupakan abang kepada Ummul Mukminin ( Ibu Orang Mukmin ) iaitu Khadijah Binti Khuwaylid, Isteri pertama Nabi Muhammad S.A.W.

Melalui perkahwinan kedua ini, Safiyyah dikurniakan tiga orng anak iaitu Al-Zubair, Al-Sa'ib dan Abdul Kaaba. Saidina Zubair Bin Al-Awwam adalah seorang sahabat Nabi S.A.W dan ahlul bait yang sangat terkenal sebagai seorang pahlawan yang hebat dimedan perang.

Al-Awwam meninggal dunia ketika anak-anaknya masih kecil lagi. Sejak itu, Safiyyah membesarkan sendiri ketiga-tiga orang anaknya itu.